

Elemen Kemahiran Insaniah Pelajar Pendidikan TVET Semasa Menjalani Latihan Praktikal

(Elements of Soft Skills for TVET Education Students During Practical Training)

Mohd Firdauz Zulkifeli¹, Mohamad Izzuan Mohd Ishar^{2*}, Mohd Zolkifli Abdul Hamid³

¹Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Email: mohdfirdauzmfz@gmail.com

²Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Email: m.izzuan@utm.my

³Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Email: mohdzol@utm.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mohamad Izzuan Mohd Ishar
(m.izzuan@utm.my)

KATA KUNCI:

Kemahiran Insaniah
TVET
Latihan Praktikal

KEYWORDS:

Soft Skills
TVET
Practical Training

CITATION:

Mohd Firdauz Zulkifeli, Mohamad Izzuan Mohd Ishar, & Mohd Zolkifli Abdul Hamid. (2022). Elemen Kemahiran Insaniah Pelajar Pendidikan TVET Semasa Menjalani Latihan Praktikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001659.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1659>

Elemen kemahiran Insaniah pelajar pendidikan TVET semasa menjalani latihan praktikal adalah elemen yang lebih memfokuskan kemahiran generik pelajar serta penguasaan pelbagai elemen lain seperti kemahiran teknikal, kemahiran generik, kemahiran keusahawanan serta kemahiran berfikir. Pelajar adalah merupakan tonggak masa depan negara oleh itu pelajar harus berada di landasan yang betul supaya semua sistem pendidikan dan kemahiran yang mereka perolehi adalah sistematik adalah kekal relevan dengan keperluan majikan di setiap sektor organisasi pekerjaan. Setiap elemen dan aspek kemahiran insaniah yang meliputi kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemahiran kepimpinan serta etika dan integriti maka terhasillah kajian penyelidikan ini bertajuk "Elemen Kemahiran Insaniah Pelajar Pendidikan TVET Semasa Menjalani Latihan Praktikal". Oleh itu kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka elemen-elemen pada setiap domain kemahiran insaniah yang ada. Kajian yang digunakan adalah secara kualitatif analisa dokumen digabungkan dengan temu bual bersama 6 responden yang terdiri daripada 3 orang tenaga pengajar yang pakar di dalam bidang TVET dan 3 majikan yang terlibat dengan TVET dalam sektor industri. Data yang diterima dirumuskan dengan pengiraan melalui Nisbah Kesahan Kandungan terhadap 16 elemen di bawah setiap domain kemahiran insaniah pelajar menurut pengkongsian dan pandangan pakar. Berdasarkan analisa daripada temu bual yang

dijalankan maka terhasilah elemen-elemen di bawah setiap 7 domain kemahiran insaniah pelajar yang disenaraikan. Data kuantitatif kemudianya digunakan untuk menghasilkan satu instrumen pengesahan yang telah dinilai dengan menggunakan statistik Kappa. Dapatan di dalam penyelidikan ini diharap dapat dijadikan rujukan dan panduan untuk penambahbaikan di dalam penentuan dan peningkatan elemen-elemen kemahiran insaniah pelajar semasa menjalani latihan praktikal.

ABSTRACT

Soft Skills Elements of TVET Education Students While undergoing practical training are elements that focus on student generic skills and the mastery of other elements such as technical skills, generic skills, entrepreneurial skills and thinking skills. Students are the pillars of the future of the country so students should be on the right track so that all education systems and skills they acquire are systematic are remain relevant to the needs of employers in every sector of the employment organization. Each element and aspect of soft skills which includes communication skills, critical thinking and problem solving skills, teamwork skills, continuous learning and information management, entrepreneurial skills, leadership skills as well as ethics and integrity, the result of this research study entitled "Elements of Soft Skills TVET Education Students While Undergoing Practical Training ". Therefore, this study was conducted to explore the elements on each existing human skill domain. The study used is qualitative of document analysis combined with interviews with 6 respondents consisting of 3 instructors who specialize in TVET and 3 employers involved with industry-based TVET. The received data is formulated with calculations through the ratio of content validity against 16 elements under each student's human skill domain according to the sharing and view of the expert. Based on the analysis of the interviews conducted, the elements under each of the 7 domains of soft skills of students listed are produced. Quantitative data were then used to generate a validation instrument that was evaluated using Kappa statistics. The findings in this research are expected to be used as a reference and guide for improvement in the determination and improvement of the elements of soft skills for students during practical training.

Sumbangan/Keaslian: Elemen kemahiran insaniah yang diperoleh boleh dijadikan sumber rujukan kepada pelajar Pendidikan TVET untuk mempersiapkan diri bagi menjalani Latihan Industri serta menjadi nilai tambah dalam menghadapi alam pekerjaan sebenar

1. Pengenalan

Kemahiran insaniah (KI) perlu dimiliki oleh setiap graduan yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kerana dapat memberikan peluang yang tinggi kepada

graduan untuk menempuh alam pekerjaan kelak. Selaras dengan Revolusi Industri 4.0 setiap graduan akan tertumpu dengan kemahiran dan teknikal, bukan sahaja teori dan akademik. Dalam menempuh negara yang pesat membangun, peranan institusi adalah penting untuk mendidik para pelajar dan graduan mempunyai pelbagai kemahiran dan keupayaan, persaingan sihat dalam pembelajaran serta boleh mengembangkan pengetahuan kerana daripada institusi inilah yang dapat melahirkan golongan profesional. Kemahiran graduan seperti boleh berkomunikasi, berfikiran kritis, boleh bekerja berpasukan, berkepimpinan serta boleh menyelesaikan masalah adalah faktor utama yang dicari oleh para majikan di luar sana ([Zakaria et al., 2017](#)).

Peralihan alam belajar kepada alam pekerjaan adalah suatu cabaran bagi ditempuhi oleh setiap graduan dalam bidang kepakaran mereka masing-masing. Dengan sokongan yang baik daripada guru, pensyarah dan rakan-rakan ianya mampu mempengaruhi graduan dalam membuat keputusan dengan penuh yakin dan sentiasa berusaha untuk memastikan mereka dapat mencapai kejayaan dalam kerjaya ([Zahari & Omar, 2021](#)). Kemampuan graduan yang telah bekerja bergantung kepada banyak faktor, antaranya terpenting adalah kemahiran praktikal yang diterima semasa mereka di institusi pendidikan tinggi. Graduan yang akan bekerja ini perlu mempunyai KI dan kebolehupayaan melakukan pelbagai kerja dalam sesuatu masa. Pencapaian akademik yang baik dapat menjamin graduan itu memperolehi pekerjaan serta kebolehpasaran graduan melalui modal insan yang terbaik adalah satu platform untuk meraih pendapatan yang selesa untuk tempoh yang panjang ([Amankwah-Amoah et al., 2016](#); [Hayek et al., 2016](#); [Starr et al., 2018](#)).

Melalui kajian yang dijalankan oleh Pihak Majlis Tindakan ekonomi Negara (MTEN), beberapa faktor yang mengakibatkan para graduan sukar mendapatkan pekerjaan adalah tidak berapa berkemahiran dan kurang pengalaman kerja, ketidaksepadanan keperluan industri dalam pekerjaan dengan bidang graduan, keupayaan komunikasi dalam Bahasa Inggeris yang sukar, sikap-sikap negatif para graduan kepada pekerjaan dan kurangnya kesedaran peluang terhadap pekerjaan yang sedia ada ([Ismail, 2012](#)). Aspek atau rungutan yang menjadi perhatian daripada majikan adalah kelemahan para graduan dalam kemahiran insaniah seperti komunikasi dan penguasaan bahasa Inggeris. Kemahiran yang dimiliki oleh graduan kadangkala tidak seiring dengan kehendak majikan. Graduan yang mahir kadangkala bekerja di tempat yang tidak memerlukan kemahiran yang lebih, menjadikan mereka terlupa faktor kemahiran yang mereka miliki untuk digunakan.

Sejak dahulu pendidikan negara berteraskan menulis, membaca dan mengira (3M) yang merupakan kelayakan asas pelajar. Graduan masa kini perlu lebih mempunyai kemahiran berfikir secara kreatif, menganalisis, berimiginasi, menerokai, mempelopori, mengenal pasti dan menyelesaikan masalah. Menurut [Md Sabil et al. \(2021\)](#) terdapat beberapa cara pengajar yang boleh membentuk interaksi yang efektif antara pelajar di dalam bilik kuliah. Oleh itu, IPT merupakan institusi yang memainkan peranan yang penting bagi membentuk sahsiah diri pelajar, kemahiran komunikasi serta mengembangkan bakat mereka di dalam kehidupan. Seterusnya turut disokong penyataan masalah penganguran graduan juga membimbangkan kerana mengikut jumlah sehingga tahun 2017, sebanyak 20.9 peratus graduan masih belum mendapat pekerjaan Kesan ini menunjukkan persaingan untuk mendapatkan pekerjaan adalah tinggi antara graduan ([Dzia-Uddin, 2020](#)).

Akademik bukan sahaja penting bagi graduan malah mempunyai KI menjadikan mereka lebih bernilai, kerana semua aspek ini merupakan faktor untuk mendapatkan pekerjaan. Kebanyakan graduan yang hampir tamat belajar dan perlu menjalankan latihan praktikal tidak begitu mahir dengan teknikal sedangkan pembelajaran teori telah dijalankan di dalam kelas. Graduan harus merasai praktikal sebenar di lapangan dan mereka akan dapat cara serta rentak kerja yang sebenar-benarnya semasa bekerja dan akan terus mendapat keyakinan semasa menjalankan tugas. Majikan mahupun pekerja tetap harus membimbang graduan tersebut supaya dapat mempelajari kemahiran insaniah tersebut kelak. Kemahiran Insaniah (KI) adalah aspek yang perlu dititikberatkan kepada semua pelajar supaya graduan yang dihasilkan adalah mengikut kehendak pasaran majikan sekarang. Konsep utama KI yang diserapkan kepada pelajar seperti kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemahiran kepimpinan dan proaktif serta etika dan integriti semasa mereka mengikuti pembelajaran harus relevan dengan kehendak pekerjaan masa kini. Terdapat graduan yang telah bekerja tidak mempunyai aspek KI yang mana akhirnya mendatangkan masalah kepada majikan.

1.1. Objektif

Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti elemen Kemahiran Insaniah pelajar Pendidikan TVET bagi menjalani latihan praktikal. Objektif ini disokong dengan kajian-kajian berikut:

- i. Mengenal pasti elemen kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pelajar Pendidikan TVET bagi menjalani latihan praktikal menerusi pendapat pihak majikan
- ii. Mengenal pasti elemen kemahiran insaniah yang diperlukan oleh pelajar Pendidikan TVET bagi menjalani latihan praktikal menerusi penerapan pihak pengajar
- iii. Menghasilkan senarai elemen kemahiran insaniah latihan praktikal pelajar Pendidikan TVET

2. Kajian Literatur

Di dalam sistem pendidikan masa kini, aspek kemahiran merupakan domain yang perlu ada pada setiap graduan yang akan menempuh pekerjaan kelak. Secara umumnya, KI berhubung kait dengan personaliti individu, komunikasi, pandai mencari kenalan, penyesuaian diri dan berinovatif. Domain-domain di dalam KI ditentukan berdasarkan pandangan pakar, kajian serta pengalaman IPT yang telah melaksanakannya ([Sidik et al., 2020](#)). Setiap institusi masa kini menitikberatkan KI dari segenap aspek di mana institusi ini menerapkan kesemua domain KI di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara menyeluruh bagi memberikan ransangan serta pengembangan elemennya pada setiap pelajar. Pendidikan sebelum ini hanya berdasarkan akademik semata-mata dan tidak mungkin relevan pada masa kini kerana penerapan elemen di dalam domain KI ini mungkin dapat menjamin pekerjaan kepada bakal graduan.

Menurut [Bilah et. al \(2017\)](#), KI adalah aspek generik yang melibatkan sifat kognitif berhubungkait dengan kemahiran bukan akademik dan lebih tertumpu kepada

pembangunan diri, keterampilan dan personaliti. [Yaacob dan Ahmad \(2019\)](#) memandangkan KI adalah penting kepada setiap pelajar IPT awam mahupun swasta, maka Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menghasilkan modul pembangunan KI yang disemak oleh pakar-pakar dalam pelbagai bidang dari pelbagai universiti. Menurut [Ahmad dan Majid \(2018\)](#), terdapat beberapa domain yang signifikan antara KI dengan prestasi kerjaya, di mana graduan yang cemerlang daripada segi akademik serta mempunyai pengalaman tetapi kurang KI yang mantap, majikan kurang yakin untuk memberikan kepercayaan, tanggungjawab serta kurang sokongan penuh kepada graduan tersebut.

2.1. Kemahiran Komunikasi

Kemahiran komunikasi harus dimiliki oleh setiap pelajar kerana melibatkan percakapan sehari-hari. Tanpa komunikasi maksud yang akan disampaikan mungkin tidak akan jelas dan kerja yang berjalan tidak akan lancar. Komunikasi mempunyai makna serta masej yang disampaikan mudah difahami dengan tepat dan jelas oleh penerima. Menurut [Mariappan, Veloo, dan Shanmugam \(2018\)](#) komunikasi adalah menerima mesej dengan mudah dan memindahkan maklumat serta mendengar secara efektif untuk mendapat maklumat, memahami pandangan dan pendapat orang lain. Oleh itu, di dalam struktur organisasi syarikat, komunikasi adalah amat penting untuk memastikan kelancaran aliran kerja dan pekerja harus bijak menyampaikan tugas dengan komunikasi yang berkesan. Turut disokong oleh [Md Sabil et al. \(2021\)](#) kemahiran komunikasi adalah domain yang utama kerana komunikasi digunakan secara bersemuka, di alam maya, isyarat, senyuman, bertegur sapa dan setiap pergerakan tubuh badan manusia adalah melibatkan komunikasi.

Komunikasi melibatkan pelbagai bahasa juga merupakan perkara yang penting kepada pelajar supaya pelajar dapat menguasai pelbagai bahasa. Bahasa Inggeris adalah menjadi penting kerana arus pemodenan globalisasi yang telah mengubah struktur pekerjaan mahupun kerjaya ([Mohamad, Ibrahim, & Selamat, 2019](#)). Turut disokong oleh [Mohd Dazali dan Awang \(2014\)](#) jika penemu duga berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris akan menyebabkan segelintir graduan gagal melepas temu duga ketika memberi maklum balas kerana tahap keyakinan di dalam bahasa Inggeris yang rendah. Menurut [Yaacob dan Ahmad \(2019\)](#), kemahiran komunikasi juga adalah kecekapan tingkatlaku seperti mendengar dengan teliti, boleh memberikan maklum balas yang betul dan membuat penjelasan pembentangan secara jelas serta dapat difahami oleh pendengar. Turut disokong oleh [Buntat dan Hassan \(n.d.\)](#) yang mana beberapa cadangan diperlukan untuk peningkatan aktiviti bahasa dalam apa sahaja aspek serta pembelajaran kerana kemahiran komunikasi ini amat penting.

Melalui kemahiran komunikasi setiap graduan sudah tentu mempraktikkannya pada setiap masa, setiap hari dan di mana sahaja mereka berada semasa menjalankan pekerjaan mahupun aktiviti persekitaran antara sesama manusia. Komunikasi amat penting seiring dengan bahasa badan supaya mesej yang hendak disampaikan kepada individu lain terang dan jelas. Apabila graduan yang bekerja di dalam sesuatu sektor pekerjaan, mesej hendaklah disampaikan dengan jelas dan tepat kepada pihak atasan untuk memastikan objektif syarikat tercapai. Kesalahan dalam menyampaikan komunikasi bukan sahaja akan mengakibatkan keputusan dibuat dengan salah serta akan memberi kesan juga orang lain atau orang sekeliling. Menurut [Luna \(2016\)](#), kelemahan komunikasi lebih kurang 40% graduan baharu yang menyebabkan mereka tidak diterima di dalam pekerjaan kerana personaliti mereka lemah, kurang

berkeyakinan serta kemahiran komunikasi dan penguasaan bahasa yang lemah. Tidak dinafikan juga pada masa kini setiap individu perlu mempelajari bahasa kedua mahupun bahasa lain untuk peningkatan serta perkembangan diri dalam bahasa.

2.2. Pemikiran Kritis dan Menyelesaikan Masalah

Graduan harus mempunyai sifat serta sentiasa berfikiran kritis dan mampu menyelesaikan masalah kerana pemikiran yang matang akan dapat membentuk kepimpinan pada diri mereka. Mereka akan yakin, berani dan sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah berkaitan tugas mahupun sentiasa mencari alternatif lain untuk menyempurnakan tugas tanpa menunggu orang lain. Menurut [Mohd Zhaffar et al. \(2016\)](#) mendefinisikan pemikiran kritis adalah bersifat normatif iaitu melibatkan penilaian sejauh mana buah fikiran menepati standard.

Standard pemikiran tersebut bergantung kepada norma-norma sesuatu konteks. Pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah diperlukan oleh setiap pemimpin supaya mereka ini layak memimpin masyarakat di luar sana. Turut disokong oleh [Md Sabil et al. \(2021\)](#), pembelajaran pada abad 21 dilaksanakan dengan memfokuskan kepada pembentukan kemahiran belajar dan inovasi. Apabila mempunyai masalah untuk diselesaikan, maka setiap graduan akan mencari jalan penyelesaian dengan cara berfikir, berbincang, memberikan idea yang kritis, mendapatkan maklumat dan membuat keputusan dengan bijak. Pembentukan kemahiran belajar, dalam pelbagai inovasi boleh mendatangkan idea-idea baru daripada graduan seiring perkembangan di peringkat serata dunia dan global. Oleh itu, setiap graduan perlu dididik dengan cara berfikir secara kritikal dan mampu menyelesaikan masalah sebaiknya daripada pelbagai permasalahan dan aspek.

2.3. Kemahiran Kerja Berpasukan

Kemahiran kerja berpasukan adalah penting di dalam sesuatu organisasi untuk memastikan objektif organisasi tercapai. Sikap individualistik haruslah dikikis sama sekali untuk peningkatan diri dalam kalangan rakan sekerja ([Ibrahim & Ahmad, 2018](#)). Setiap individu di dalam pasukan dan mempunyai pelbagai keupayaan dan kepakaran masing-masing digabungkan di dalam satu pasukan untuk menjalankan tugas secara bersama. Mereka ini menyedari peranan yang dipertanggungjawab kepada mereka untuk kejayaan organisasi. Namun, agak mustahil sesebuah organisasi tidak menjalankan semangat kerja berpasukan nescaya akan melumpuhkan mana-mana perusahaan atau perniagaan. Kemahiran kerja berpasukan amat penting supaya dapat membina hubungan yang baik, berinteraksi dalam bekerja secara bersama untuk mencapai objektif yang sama. Kebolehan individu dalam mengenali rakan sekerja dan menghormati sikap sesama mereka serta tingkah laku akan mewujudkan kepercayaan antara mereka. Kepercayaan yang wujud memudahkan mereka menjalankan sesuatu tugas yang diberikan oleh majikan dan dapat diselesaikan dengan sempurna. Di dalam kajian yang dijalankan [Ahmad dan Majid \(2018\)](#), didapati graduan memiliki kemahiran kerja pasukan pada tahap tertinggi berbanding aspek KI yang lain. Setiap pekerja perlu menjalankan hubungan yang baik sesama rakan sekerja, memberikan galakan bersama dalam tugas dan perlu mengambil bahagian secara aktif dalam setiap aktiviti kerja.

2.4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat

Pembelajaran berterusan adalah pembelajaran daripada individu itu sendiri dikenali sebagai heutagogi yang mana menerapkan pendekatan holistik untuk pengembangan kemampuan pembelajaran. Pembelajaran berterusan mempunyai cara pembelajaran sendiri, oleh itu ianya lebih sesuai kepada orang dewasa kerana orang dewasa kerap belajar berdasarkan pengalaman mereka. Bagi pelajar yang telah tamat belajar, pembelajaran tidak hanya berhenti di situ dan proses pembelajaran sentiasa berlaku semasa menjalankan kehidupan. Apabila graduan telah bekerja mereka tidak akan lari untuk menguruskan maklumat, sama ada maklumat diri, keluarga mahupun majikan. Ketepatan maklumat bukan sahaja meningkatkan pengetahuan malah maklumat yang diterima tidak mendatangkan masalah di kemudian hari. Pada masa kini, kemudahan pengisian maklumat hanya di hujung jari sahaja dengan bantuan teknologi yang ada. Jika pengurusan maklumat disistemkan dengan betul, ianya lebih memudahkan dan proses kerja akan lebih cepat.

Setiap pengurusan maklumat yang baik dapat menghasilkan kecekapan dalam urusan organisasi tersebut. Menurut [Abbas \(2018\)](#) pengetahuan maklumat terutamanya dalam teknologi maklumat merupakan aspek utama, setiap pekerja harus pandai dan tidak buta kepada teknologi maklumat seperti internet kerana fenomena globalisasi melibatkan perkembangan teknologi maklumat pada masa kini. Turut disokong oleh [Yaacob dan Ahmad \(2019\)](#), salah satu kemahiran pembelajaran berterusan adalah graduan dapat menggunakan pelbagai sumber untuk menyelesaikan masalah seperti merujuk serta mengakses internet, merujuk bahan bacaan di perpustakaan dan boleh menjalankan kajian di lapangan. Apabila graduan membuat data yang lengkap, mudah bagi mereka untuk mengakses maklumat.

2.5. Kemahiran Keusahawanan

Cabarani masa kini memerlukan individu melakukan pelbagai pekerjaan untuk menjamin kesejahteraan dan ekonomi mereka. Oleh itu, pelajar yang cemerlang akademik juga memerlukan kemahiran keusahawanan kerana kemahiran ini perlu ada di dalam diri sendiri untuk meningkatkan pendapatan mereka. Bukan hanya memfokuskan pekerjaan hakiki, malah membuat tambahan pekerjaan seiring dengan bakat atau kemahiran yang mereka miliki. Maka, kemahiran keusahawanan ini boleh dijelaskan sebagai minat serta keupayaan individu menerokai peluang yang ada, menyedari risiko yang ada, kreatif dan inovasi dalam perniagaan yang mereka lakukan. Menurut [Yatim dan Idris \(2016\)](#) pelajar seharusnya didedahkan kepada aspek keusahawanan melalui barang jualan, merancang jualan, menyediakan item jualan, mempromosi, mengurus, merekod, risiko perniagaan dan sikap pengguna. Pelajar diajar dengan ilmu pengetahuan amalan perniagaan dan keusahawanan secara asas. Jika dilihat kepada pelajar pendidikan, mereka bukan sahaja akan memegang jawatan sebagai guru kelak, malah di sebahagian mereka akan bekerja sendiri dan menjadi seorang usahawan yang berjaya. Penerapan ilmu keusahawanan tidak seharusnya dipandang enteng mahupun mudah dalam kalangan graduan supaya ilmu tersebut dapat digunakan dengan sebaiknya semasa mereka bergelar usahawan.

2.6. Kemahiran Kepimpinan

Graduan masa kini haruslah mempunyai sifat kepimpinan supaya dapat mendorong dan membimbang orang lain untuk menjalankan tugas. Menurut [Zhang et al. \(2018\)](#)

kepimpinan adalah tindakan mengarahkan perbuatan dan tingkah laku individu lain dalam menyelesaikan tugas atau objektif. Bermula peringkat universiti lagi, pelajar harus diperkenalkan dengan tugas-tugas kepimpinan seperti semangat kerja berpasukan, pengucapan awam, menjadi orang penting dalam persatuan dan memberi peluang merancang sesuatu acara. Oleh itu, secara tidak langsung akan memberi peluang dan pengalaman kepada pelajar untuk membuat keputusan sendiri, memberikan idea dan kritis dan meningkatkan keyakinan diri. Kemahiran kepimpinan yang diperolehi oleh pelajar akan digunakan sehingga mereka memperoleh pekerjaan dan sememangnya menjadi pilihan majikan jika bakal pekerja mempunyai kemahiran kepimpinan yang tinggi.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif analisa dokumen dan digabungkan dengan temu bual bersama enam responden yang terdiri daripada tiga orang tenaga pengajar yang pakar di dalam bidang TVET dan tiga majikan yang terlibat dengan TVET dalam sektor industri. Data yang diterima dirumuskan dengan pengiraan melalui Nisbah Kesahan Kandungan terhadap 16 elemen di bawah domain Kemahiran Insaniah pelajar menurut perkongsian dan pandangan daripada pakar. Berdasarkan analisa daripada temu bual yang dijalankan maka terhasil elemen-elemen di bawah setiap tujuh domain Kemahiran Insaniah pelajar yang disenaraikan. Data kuantitatif kemudiannya digunakan untuk menghasilkan satu instrumen pengesahan yang telah dinilai dengan menggunakan statistik Kappa.

4. Hasil Kajian

Bagi pengumpulan data kumulatif, tujuh persoalan yang digariskan dalam penyelidikan dan pengesahan elemen KI diterima melalui temu bual yang dijalankan. Penyelidik telah membahagikan kepada soalan dan pengukuhan elemen KI kepada tujuh persoalan di dalam protokol temu bual bagi mendapatkan maklumat dan data melalui temu bual yang dijalankan. Keputusan yang diterima dapat menghasilkan elemen KI pelajar Pendidikan TVET semasa menjalani Latihan Praktikal bagi proses penghasilan data dalam penyelidikan. Oleh itu, temu bual yang dijalankan sebagaimana soalan pengukuhan yang telah ditunjukkan kepada tiga orang tenaga pengajar dan tiga orang wakil majikan daripada pelbagai industri pekerjaan yang telah dipilih dengan tujuan berdasarkan latar belakang individu tersebut di dalam bidang kepakaran mereka terutamanya melibatkan kemahiran TVET. penyelidik menjelaskan dengan menunjukkan sistem pengekodan seperti kod "PT" untuk pakar TVET dalam kalangan tenaga pengajar atau pensyarah dan kod "MA" yang merujuk kepada majikan atau organisasi di dalam sektor industri.

4.1. Analisis Temu Bual Kemahiran Komunikasi

Di dalam kategori kemahiran komunikasi penganalisisan telah dikumpulkan dan elemen di dalam domain ini adalah secara lisan, bukan lisan dan kemahiran bahasa lain selain Bahasa Malaysia yang ditekankan oleh pakar TVET dan majikan di sektor industri. Berdasarkan analisa, kemahiran komunikasi adalah sangat penting mengikut persetujuan keseluruhan responden sama ada secara lisan atau bukan lisan melalui temu bual yang dijalankan di dalam semua organisasi pekerjaan yang telah diterima oleh penyelidik. [Jadual 1](#) adalah gambaran secara ringkas kepentingan KI pertama

menerusi pandangan pakar di dalam bidang TVET dan majikan berkaitan Kemahiran Komunikasi.

Jadual 1: Hasil temu bual bagi Kemahiran Komunikasi

| Kategori | Responden | | | | | |
|----------------------|-------------|-----|-----|-----|-----|-----|
| | PT1 | PT2 | PT3 | MA1 | MA2 | MA3 |
| Kemahiran Komunikasi | Percakapan | | | | | |
| | Bahasa | | | | | |
| | Visualisasi | | | | | |

Kemahiran komunikasi adalah amat penting dan utama serta dipersetujui oleh kebanyakan tenaga pengajar dan pihak majikan dalam sektor industri disebabkan faktor kemahiran ini memberikan kesan dalam kelancaran proses kerja sesebuah organisasi. Komunikasi antara pihak atasan, rakan sekerja, pelanggan mahupun pihak luar memberikan impak yang amat tinggi kepada organisasi atau syarikat untuk berkembang kerana komunikasi yang mesra dan mudah akan meningkatkan produktiviti syarikat. Kelebihan menguasai pelbagai bahasa ketiga juga memberikan kelebihan kepada seseorang individu untuk diterima di dalam alam pekerjaan kelak.

4.2. Analisis Temu Bual Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Analisis mengenai pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah terdapat beberapa kod yang telah diketengahkan oleh beberapa pakar di dalam bidang TVET dan menerusi pendapat pihak majikan. Berdasarkan analisa, kepentingan menyelesaikan masalah sememangnya diperlukan di dalam KI pelajar kerana mereka harus cepat dalam membuat keputusan dan memberikan respons jika terdapat sebarang masalah yang berlaku di tempat kerja dengan pengawasan yang minima. Pelajar juga digalakkan memberikan idea juga pemikiran yang bernas supaya idea serta pemikiran mereka kekal relevan dengan kehendak industri. **Jadual 2** menunjukkan hasil temu bual yang diperoleh bagi kemahiran menyelesaikan masalah dan pemikiran kritis.

Jadual 2: Hasil temu bual bagi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

| Kategori | Responden | | | | | |
|---------------------------------|-----------|-----|-----|-----|-----|-----|
| | PT1 | PT2 | PT3 | MA1 | MA2 | MA3 |
| Kemahiran Menyelesaikan Masalah | Idea | | | | | |
| | Pemikiran | | | | | |

Walau bagaimanapun, elemen KI pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar ini harus dijadikan elemen penting di dalam pembelajaran supaya dapat didekahkan kepada pelajar untuk mereka dapat membayangkan proses kerja serta menyelesaikan kerja tanpa pengawasan yang minima apabila bekerja kelak. Tidak dinafikan segala pengalaman serta praktikalnya perkara ini dapat dipelajari semasa mereka menjalani latihan praktikal untuk proses menimba pengalaman dengan dirasai sendiri di alam pekerjaan. Keseluruhan majikan di luar sememangnya memerlukan pekerja yang berdedikasi dan efisien dalam melaksanakan tugas serta menyelesaikan masalah kerja mereka dengan segala cabaran yang diterima, memberikan idea dan menyelesaikan tugas dengan sempurna demi kelancaran perjalanan kerja pada sesebuah organisasi.

4.3. Analisis Temu Bual Kemahiran Kerja Berpasukan

Kemahiran kerja berpasukan sememangnya diamalkan di peringkat semua jabatan dan organisasi pekerjaan, malah pelajar juga didedahkan seawal mereka berada di peringkat universiti dengan kerja-kerja berkumpulan yang harus disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Terdapat beberapa perkara bercanggah di dalam elemen kemahiran kerja berpasukan di dalam industri di mana terdapat perbezaan pandangan pihak majikan yang mana pelajar tidak diberikan peluang di dalam kemahiran kerja berpasukan dan mereka ini hanyalah pelajar yang hadir dalam tempoh praktikal dan juga mereka hanya membantu dalam kerja berpasukan sesebuah organisasi. [Jadual 3](#) menunjukkan analisa Kemahiran Kerja Berpasukan menerusi pandangan pakar di dalam bidang TVET dan majikan yang terlibat.

Jadual 3: Hasil temu bual bagi Kemahiran Kerja Berpasukan

| Kategori | Responden | | | | | |
|----------------------------|---------------------|-----|-----|-----|-----|-----|
| | PT1 | PT2 | PT3 | MA1 | MA2 | MA3 |
| Kemahiran Kerja Berpasukan | Kerjasama Pandangan | | | | | |

Kerja berpasukan diperlukan pada setiap organisasi untuk kelancaran kerja serta menjamin objektif syarikat tercapai. Pekerja yang bekerja seorang diri tidak akan dapat mencapai objektif syarikat, misi dan visi yang telah ditetapkan kerana melalui kerja berpasukan, segala idea, pendapat serta pandangan dikongsi bersama dan juga bebanan kerja yang diterima dapat diagihkan di dalam kerja berpasukan mahupun berkumpulan supaya penghasilan produktiviti sesebuah organisasi lebih maju dan berdaya saing seiring perkembangan ekonomi di peringkat global.

4.4. Analisis Temu Bual Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat

Kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat pelajar adalah amat penting untuk memastikan urusan kerja sempurna dan kemahiran ini telah dipersetujui oleh beberapa majikan serta tenaga pengajar bagi meningkatkan modal insan pekerja di sektor pekerjaan masa kini. Berdasarkan analisis yang diterima, responden mengakui kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat amat diperlukan oleh setiap pelajar semasa menjalani latihan praktikal di industri bagi mendapatkan pengalaman. [Jadual 4](#) memberikan gambaran secara ringkas kepada KI di bawah elemen Kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat.

Jadual 4: Hasil temu bual bagi Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat

| Kategori | Responden | | | | | |
|-----------------------------------|------------|-----|-----|-----|-----|-----|
| | PT1 | PT2 | PT3 | MA1 | MA2 | MA3 |
| Kemahiran Pembelajaran Berterusan | Percakapan | | | | | |
| Kemahiran Pengurusan Maklumat | Bahasa | | | | | |

Setiap pelajar yang hadir latihan praktikal di industri sememangnya tempoh yang diberikan untuk menjalani latihan praktikal itu adalah singkat, sudah tentu pihak majikan tidak mungkin mengeluarkan sebarang kos tambahan untuk mereka menghadiri kursus ataupun bengkel dalam kapasiti yang besar. Mereka lebih tertumpu kepada pengalaman kepada pekerja sedia ada untuk mereka merasai suasana industri pekerjaan. Di dalam evolusi industri 4.0 setiap pelajar mahupun pekerja hendaklah cekap dan pantas di dalam menangani kemajuan teknologi maklumat yang semakin berkembang bagi mengelakkan mereka ketinggalan. Tidak dinafikan pekerjaan lebih mudah dengan adanya peranti terkini seperti telefon pintar, tablet serta laptop yang mana setiap pekerja boleh melakukan kerja mereka di mana sahaja mereka berada. Pekerja boleh membuat dan menghantar laporan, mengakses internet bagi mendapatkan maklumat di hujung jari untuk mereka melengkapkan kerja harian tanpa sebarang masalah. Setiap pekerja perlu belajar serta mempelajari perkara baru dengan sendiri atas bantuan sumber di dalam internet. Tambahan pula, kesan daripada pandemik Covid 19 yang mana setiap pekerja melakukan kerja harian mereka daripada kediaman sahaja memerlukan perancangan dan penjadualan kerja hendaklah disusun dengan rapi dan dikemaskan dengan kemahiran pengurusan maklumat diri serta kemahiran teknologi maklumat melalui pelbagai ruang berkaitan pekerjaan masing-masing.

4.5. Analisis Temu Bual Kemahiran Keusahawanan

Di dalam elemen kemahiran keusahawanan tidak banyak perkara yang diterima daripada hasil temu bual dan elemen ini adalah sifat pelajar itu sendiri yang memerlukan semangat keusahawanan perlu disemai di dalam diri mereka. Berdasarkan analisa, aspek pemasaran adalah kerap disebut oleh responden di dalam elemen kemahiran keusahawanan pelajar. **Jadual 5** adalah secara ringkas menunjukkan kategori pemasaran yang telah dititikberatkan oleh responden.

Jadual 5: Hasil temu bual bagi Kemahiran Keusahawanan

| Kategori | Responden | | | | | |
|------------------------|------------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| | PT1 | PT2 | PT3 | MA1 | MA2 | MA3 |
| Kemahiran Keusahawanan | Pemasaran | | | | | |

Pelajar yang akan mengharungi alam pekerjaan kelak adalah disarankan mempunyai pilihan kedua selain bekerja sebagai pekerja dengan majikan. Persaingan kini lebih sengit untuk mendapatkan pekerjaan kerana lambakan graduan yang telah tamat pengajian. Faktor ini memberikan gambaran supaya pelajar lebih peka dan berdaya saing untuk meneruskan kehidupan dengan menerokai pelbagai bidang dengan mencari pelan alternatif sendiri. Dalam hal sebegini, dengan kemudahan ruang atas talian yang telah tersedia lebih menarik ramai pelajar untuk menceburi bidang perniagaan. Pelajar harus cekap dan pandai dalam pemasaran dan jualan untuk memastikan produk yang mereka usahakan dapat dipasarkan. Pelajar yang menjalani latihan praktikal di industri hanya bergantung kepada pilihan industri yang dipilih mereka, jika di dalam bidang perniagaan maka banyaklah mereka mempelajari selok belok pemasaran dan jualan dalam bidang perniagaan.

4.6. Analisis Temu Bual Kemahiran Kepimpinan

Temu bual yang dijalankan mengenai elemen kemahiran kepimpinan, terdapat beberapa faktor yang harus dipraktikkan seperti boleh memimpin sesuatu kumpulan, mendengar, memberikan pandangan serta kuat dalam menghadapi cabaran. Berdasarkan analisa, responden keseluruhannya bersetuju bahawa kemahiran kepimpinan salah satu aspek yang perlu ditekankan kepada semua pelajar di mana elemen kemahiran kepimpinan seperti personaliti pelajar dan pengalaman merupakan domain yang akan memacu mereka ke depan supaya lebih berani berada di khalayak ramai dan mempunyai keyakinan. **Jadual 6** adalah secara ringkas menunjukkan kategori kepimpinan pelajar yang telah dititikberatkan oleh responden.

Jadual 6: Hasil temu bual bagi Kemahiran Kepimpinan

| Kategori | Responden | | | | | |
|-------------------------|---------------------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| | PT1 | PT2 | PT3 | MA1 | MA2 | MA3 |
| Kemahiran Kepimpinan | Pengalaman Personaliti | | | | | |

Kemahiran kepimpinan merupakan elemen yang amat penting dan amat dipersetujui oleh responden kerana elemen ini adalah merupakan aspek untuk setiap pelajar mahupun pekerja itu menunjukkan kebolehan mereka dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Setiap pelajar dan pekerja mempunyai personaliti mereka masingmasing dan personaliti ini berbeza dengan rakan sekerja. Aspek personaliti boleh dilihat dengan keyakinan pelajar bercakap, bergaul dan dalam memberikan pandangan yang bernas di dalam sesuatu tugas yang diberikan oleh majikan kepada mereka. Malah kemahiran kepimpinan ini lebih tertumpu kepada pengalaman seseorang pekerja di mana amalan dan situasi yang dialami mereka akan mendorong mereka lebih yakin dan kompeten dalam sesuatu bidang untuk mereka melaksanakan tugas kerja harian mereka dengan sempurna tanpa pengawasan yang maksima daripada pihak pengurusan atasan.

4.7. Analisis Temu Bual Kemahiran Integriti dan Etika

Temu bual yang dijalankan mengenai elemen terakhir adalah sifat integriti dan etika pelajar, yang mana sifat ini perlu diterapkan dalam erti kata lain diserapkan di dalam minda pelajar supaya mereka lebih kuat dan tidak mudah terpengaruh dalam membuat sesuatu keputusan.

Berdasarkan analisa, responden keseluruhannya bersetuju bahawa sifat integriti dan etika pelajar yang positif mendorong kepada pelajar mengamalkan sifat disiplin diri, masa serta pakaian. Malah responden turut menekankan aspek rahsia dokumen kerajaan yang perlu dirahsiakan oleh pelajar semasa menjalani latihan praktikal. **Jadual 7** menerangkan secara ringkas integriti dan etika pelajar melalui temu bual yang telah dijalankan. Integriti dan etika pelajar bermula sejak di bangku sekolah dan di peringkat universiti turut didehdahkan bagaimana setiap pelajar harus mempunyai disiplin diri yang kukuh dalam menepati masa, dalam pemakaian harian yang formal dan tidak formal, menjaga maklumat-maklumat yang penting supaya tidak menyebarkan secara terbuka kepada umum dan perlu adanya sifat jujur dalam diri mereka.

Jadual 7: Hasil temubual bagi Kemahiran Integriti dan Etika Pelajar

| Kategori | Responden | | | | | |
|-------------------------------|--|-----|-----|-----|-----|-----|
| | PT1 | PT2 | PT3 | MA1 | MA2 | MA3 |
| Kemahiran Integriti dan Etika | Jujur Disiplin Rahsia Pakaian | | | | | |

Pelajar yang menjalani latihan praktikal sememangnya terikat dengan pelbagai peraturan yang harus mereka ikuti dan setiap perkara di dalam aspek etika tidak harus dipandang ringan kerana menurut responden kesemua aspek integriti yang etika pelajar yang dititikberatkan melalui temu bual ini akan dapat melatih mereka lebih berjaga-jaga dalam menjalankan tugas dan tidak mudah terpengaruh kepada ajakan negatif daripada rakan-rakan sekerja. Tidak dapat dinafikan setiap sektor pekerjaan di dalam setiap organisasi mempunyai masalah mereka tersendiri dan bagaimana setiap pekerja menanganinya serta bagaimana organisasi terutamanya pihak pengurusan atasan menyediakan program-program, seminar, kempen serta kursus bagi memberikan kesedaran kepada setiap pekerja supaya mereka dibimbing di landasan yang betul. Setiap perkara yang dilakukan haruslah berlandaskan agama supaya tidak mudah terjerumus kepada perkara tidak baik serta negatif yang turut memberikan kesan kepada mereka, keluarga, serta negara.

4.8. Analisa Temu Bual Kelestarian Kemahiran semasa Latihan Praktikal

Setelah menjalankan analisa daripada senarai tujuh domain KI pelajar terdapat persoalan tambahan yang diajukan kepada pakar di dalam bidang TVET dan majikan yang mana pandangan mereka atau menerusi pendapat mereka dalam meningkatkan lagi kemahiran serta kemahiran teknikal seiring kehendak industri masa kini.

Jadual 8 menerangkan secara ringkas pandangan pakar TVET dan majikan mengenai aspek yang boleh dipupuk dan diberikan kepada pelajar pendidikan TVET untuk mereka menguasai elemen KI yang relevan dengan kehendak industri. Setelah melakukan analisa dokumen melalui temu bual yang dijalankan bersama pakar di dalam bidang TVET dan wakil majikan di sektor industri bagi memperolehi elemen KI, penyelidik telah membina borang pengesahan untuk mengesahkan elemen KI pelajar yang menjalani Latihan Praktikal.

Jadual 8: Persoalan tambahan temu bual menurut pandangan pakar dalam bidang TVET dan majikan

| Persoalan Tambahan dan Cadangan dari Temu Bual | | | | | | |
|--|---|--|--|--|--|--|
| PT1 | 1 | Apabila diberikan sesuatu tugas, jangan mengelak, sebab kamu berlatih untuk mendapatkan seberapa banyak pengalaman dan kemahiran | | | | |
| | 2 | Inisiatif diri sendiri walaupun tidak diarahkan melakukan suatu perkara serta mempunyai inisiatif sendiri yang ditonjolkan kepada majikan boleh meningkatkan nilai tambah diri | | | | |
| | 3 | Memfokuskan kepada <i>Sustainable Development Goals</i> dengan mengaitkan <i>Green Practices, Green Job, Green House, Green Communication</i> , dan kemahiran generik yang lestari | | | | |
| PT2 | 1 | Di samping belajar atau masuk makmal, pelajar juga perlu alami selain perkara | | | | |

-
- itu seperti mengetahui prosedur, menambah pengalaman bagi membangunkan kemahiran, pemikiran, dan sebagainya
- 2 Senarai kemahiran generik seperti kemahiran analitikal dan inovasi; kemahiran kreativiti, keaslian, dan inisiatif; pemikiran kritis dan kreatif; kemahiran kepimpinan dan mempengaruhi orang lain; kemahiran menyelesaikan masalah yang kompleks; kecerdasan emosi; kemahiran penaakulan dan penjanjanaan idea; kemahiran membuat perkimbangan dan keputusan; kemahiran teknologi dan ICT; kemahiran teknologi reka bentuk dan strategi pembelajaran aktif merupakan kemahiran-kemahiran yang boleh diketengahkan selain dari asas kemahiran insaniah yang popular
- PT3 1 Kemahiran teknikal dan kemahiran generik yang sedang diajar menjadi asas kepada pelajar dan sangat penting dalam pembentukan jati diri dan disiplin. Kemahiran ini perlu dipelajari apabila memasuki universiti supaya mereka terdedahkan dengan kemahiran-kemahiran ini dan dapat mempersiapkan diri
- 2 Kualiti Pelajar mesti mengutamakan komitmen kepada diri sendiri dan harus sedar tentang keinginan yang akan mematangkan mereka sebelum ke alam pekerjaan
- 3 Kemahiran insaniah sedang diasah kepada pelajar seperti komunikasi dalam pembentangan, boleh bercakap, boleh berbincang, boleh memberikan pendapat harus disemat dalam kurrikulum yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan
- MA1 1 Kemahiran diterapkan kepada pelajar terutama dibahagian-bahagian tertentu bagi menambah kualiti mereka supaya apabila mereka keluar dan bekerja itulah yang akan diamalkan dan dipraktiskan semasa dilapangan
- 2 Bukan sahaja teori, malah bawa pelajar turun ke tapak dan ajar cara mengambil gambar dan terapkan komunikasi dengan pelajar lain untuk mewujudkan hubungan yang erat antara pelajar
- MA2 1 Latihan yang diberikan kepada pelajar harus juga melalui pembelajaran dan latihan dalam talian
- 2 Pelajar perlu mengikuti pembelajaran dengan pelbagai cara serta menghadiri program-program yang disediakan secara dalam talian oleh institusi dan agensi tertentu agar dapat terus menambah pengetahuan terutama pada zaman Covid-19 ini
- MA3 1 Pelajar tidak boleh dipaksa. Mereka akan menerima persekitaran yang mampu mereka biasakan dan fokus
- 2 *Multiskilling* perlu diterapkan kepada pelajar supaya pelajar boleh menggunakan kemahiran yang mereka ada walaupun menghadapi pelbagai situasi yang berbeza
- 3 Industri perlu realistik supaya tidak lari jauh dengan bidang pelajar. Pembangunan *career path* pelajar perlu distractegikan diperingkat awal dengan betul dan jelas agar tidak membebankan pelajar
- 4 Kemahiran insaniah seperti aspek kurang daya tahan dalam menghadapi pasaran kerja membuatkan pelajar perlu mengambil kursus tambahan yang ringan yang sesuai dengan elemen pembelajaran. Elemen ini dapat meningkatkan ketahanan pelajar bukan saja dari sudut akademik tetapi juga untuk *survival* moral, motivasi bagi bersiap sedia dengan alam pekerjaan
-

Borang pengesahan yang ditambah baik kemudian disahkan oleh pensyarah di Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. Tujuan pengesahan kandungan adalah untuk memastikan elemen KI pelajar pendidikan semasa menjalani Latihan Praktikal didapati melalui temu bual yang dijalankan adalah tepat. Penyelidik menumpukan elemen KI serta domain yang diketengahkan oleh pakar TVET serta organisasi di luar sana adalah relevan dengan situasi serta kehendak majikan pada masa kini. Elemen-elemen ini penting kepada setiap pelajar dan institusi pendidikan supaya dapat diserapkan dalam kurikulum serta pembelajaran harian pelajar untuk memastikan kualiti pelajar di dalam keadaan terbaik.

Pengesahan item dilakukan dengan menggunakan Nisbah Kesahan Kandungan (CVR) kepada individu yang pakar atau telah mempunyai pengalaman dalam dunia pekerjaan seperti Pengarah, Penyelaras TVET, pakar kompetensi serta pengurus 73 syarikat yang berlainan daripada wakil atau proses temu bual yang dijalankan. Senarai elemen ini didapati melalui kaedah penyelidikan kualitatif yang diberikan nilai mengikut tahap kepentingan menggunakan Skala 0 (Tidak Setuju), 1 (Sederhana Setuju), 2 (Sangat Setuju). **Jadual 9** menunjukkan tahap persetujuan untuk kesemua elemen di dalam KI yang telah disenaraikan di dalam borang temu bual. Secara keseluruhannya, tahap persetujuan dalam kalangan pakar adalah terbaik bagi setiap domain.

Jadual 9: Tahap persetujuan bagi setiap domain KI berdasarkan Statistik Kappa

| Domain | Bilangan Item | Persetujuan Pakar | | | | Purata | Tahap Persetujuan |
|---|----------------------|--------------------------|------|------|------|---------------|--------------------------|
| | | P1 | P2 | P3 | P4 | | |
| Kemahiran Komunikasi | 3 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | Sangat Baik |
| Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah | 2 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | Sangat Baik |
| Kemahiran Kerja Berpasukan | 2 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | Sangat Baik |
| Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat | 2 | 1.00 | 0.75 | 0.75 | 0.75 | 0.81 | Sangat Baik |
| Kemahiran Keusahawanan | 1 | 0.50 | 0.50 | 0.50 | 0.50 | 0.50 | Baik |
| Kemahiran Kepimpinan | 2 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | 1.00 | Sangat Baik |
| Kemahiran Integriti dan Etika | 4 | 1.00 | 0.87 | 1.00 | 1.00 | 0.96 | Sangat Baik |

Berdasarkan data yang telah dianalisis berdasarkan jadual di atas, pengiraan mata bagi melihat tahap persetujuan antara domain adalah yang sangat penting seperti kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat, kemahiran kepimpinan serta integriti dan etika adalah menunjukkan nilai persetujuan yang sangat baik dan sempurna. Ini menunjukkan keseluruhan panel bersetuju bahawa elemen ini amat penting kepada pelajar pendidikan TVET semasa menjalani latihan praktikal. Walau bagaimanapun, elemen kemahiran keusahawanan hanya berada di tahap terbaik berdasarkan hasil temu bual bersama responden, bukan sahaja tidak dianggap penting oleh sesetengah panel akan tetapi elemen keusahawanan ini lebih tertumpu kepada tempat di mana mereka menjalani latihan praktikal kerana ianya kurang dipraktikkan jika organisasi di sektor berbeza iaitu bukan sepenuhnya kepada perniagaan jualan semata-mata.

5. Perbincangan

Perbincangan dan hasil yang diperolehi telah diperhalusi satu per satu. Pada peringkat pendahuluan domain-domain KI dibincangkan untuk memastikan elemen yang diterokai benar-benar sesuai dan diperlukan oleh pelajar pendidikan TVET semasa menjalani latihan praktikal di sektor industri. Senarai elemen yang dinyatakan dalam **Jadual 10** ini

diperlukan dalam pekerjaan masa kini mengikut kehendak majikan dan kemudian diikuti dengan perbincangan mengenai elemen-elemen KI tersebut.

Jadual 10: Senarai Elemen Kemahiran Insaniah Pelajar Pendidikan TVET Semasa Menjalani Latihan Praktikal

| Elemen Kemahiran Insaniah Pelajar Pendidikan TVET Semasa Menjalani Latihan Praktikal | | | |
|---|---|--------------------|---------|
| | Kemahiran Komunikasi | | |
| Percakapan | Bahasa | Visualisasi | |
| | Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah | | |
| Idea | | Pemikiran | |
| | Kemahiran Kerja Berpasukan | | |
| Kerjasama | | Pandangan | |
| | Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat | | |
| Kursus | | Teknologi Maklumat | |
| | Kemahiran Keusahawanan | | |
| | Pemasaran | | |
| | Kemahiran Kepimpinan | | |
| Pengalaman | | Personaliti | |
| | Kemahiran Integriti dan Etika | | |
| Jujur | Disiplin | Rahsia | Pakaian |

5.1. Elemen Kemahiran Komunikasi

Perkara yang amat dititikberatkan oleh setiap majikan di luar sana adalah kemahiran komunikasi kerana kemahiran ini diperlukan untuk menjalankan aktiviti kerja seharian. Namun komunikasi ini berlaku di dalam pelbagai bentuk seperti menulis, membaca, menaip, mendengar, email, pesanan ringkas, dan gerak tubuh badan. Penguasaan komunikasi dalam kalangan para pelajar adalah penting untuk memastikan mereka relevan dengan kehendak majikan diluar sana kerana mereka yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik akan memudahkan mereka menempatkan diri di dalam sektor pekerjaan. Kemahiran komunikasi terhadap orang atasan, penyelia, orang bawahan mahupun rakan sekerja untuk mencorakkan serta mengordinasi sesuatu pekerjaan supaya pekerjaan yang dijalankan dalam dihantar dan disiapkan dengan sempurna tanpa sebarang masalah. Komunikasi yang mudah akan membawa makna dan disampaikan kepada pekerja dengan jelas dan mudah difahami oleh semua orang.

Menurut [Md Sabil et al. \(2021\)](#), kemahiran komunikasi adalah domain yang utama kerana komunikasi digunakan secara bersemuka, di alam maya, isyarat, senyuman, bertegur sapa dan setiap pergerakan tubuh badan manusia adalah melibatkan komunikasi. Komunikasi dalam bahasa kedua juga adalah domain yang dicari oleh majikan seperti komunikasi di dalam Bahasa Inggeris kerana setiap urusan juga melibatkan pelbagai bangsa dan pelbagai penggunaan bahasa yang digunakan oleh pelanggan yang hadir. Pelajar juga tidak boleh lari dengan teknologi terkini seperti menghantar email dan WhatsApp untuk memastikan kerja harian mereka disempurnakan dengan mudah. Pelajar turut didedahkan dengan cara dan format menjawab serta menaip di dalam bentuk email dan WhatsApp untuk disampaikan kepada pihak atasan.

Menurut [Ahmad dan Majid \(2018\)](#), komunikasi guru sehari-hari dalam Bahasa Malaysia membantu mereka berkomunikasi dengan baik dan lancar dalam pembelajaran dan pengajaran mereka. Namun di sebaliknya, komunikasi dalam Bahasa Inggeris mendatangkan sedikit masalah dan disampaikan dengan kurang memuaskan dan kurang yakin oleh pelajar. Oleh itu, setiap pelajar harus memiliki kemahiran komunikasi yang baik untuk membolehkan mereka ini berperanan pada sektor pekerjaan kelak. Komunikasi berlaku di setiap sektor organisasi dan berlaku pada setiap hari dalam pekerjaan. Hal ini dapat dilihat dalam hasil temu bual bagi elemen Kemahiran Komunikasi yang merangkumi dari segi percakapan lisan:

"Komunikasi adalah rutin biasa iaitu kita bercakap dengan orang, di sektor industri mempunyai pelbagai peringkat penjawatan/pentadbiran semua pekerja harus berkomunikasi seperti operator pengeluaran – 'line leader'- 'superior'- Pengurus – Pengurusan atasan" [PT1]

"Komunikasi adalah bercakap dengan jelas dan dapat menerangkan isi penting dan dengan jelas" [PT2]

"Kemahiran komunikasi adalah teknikal iaitu mendengar dengan aktif, maklum balas dengan betul kepada pelanggan dan rakan sekerja tanpa kemunikasi yang baik akan berlaku salah komunikasi" [PT3]

"Kemahiran komunikasi pertama adalah cara pelajar berinteraksi dengan cara percakapan bersama penyelia dan dapat memberikan maklumbalas mengenai latarbelakang dan apabila ditanya pelajar berani dan cepat memberikan respon" [MA1]

"Organisasi memerlukan lebih daripada seorang individu untuk komunikasi secara lisan dan amat penting untuk berikteraksi di antara organisasi dalaman dan luaran, sebagai contoh organisasi dalaman dengan rakan sekerja dan organisasi luaran dengan pelanggan atau pihak luar." [MA2]

"Keberanian bercakap perlu dipertingkatkan dalam kalangan graduan-graduan di dalam bidang TVET." [MA3]

Di dalam sektor pekerjaan sudah semestinya akan membabitkan pelbagai urusan dalaman dan urusan luaran. Semua urusan komunikasi kadangkala akan berlaku bahasa kedua mengikut kepada pelanggan yang hadir mahupun klien yang ingin berurus. Bahasa Inggeris adalah bahasa yang kerap menjadi bahasa komunikasi selain Bahasa Malaysia yang menjadi pertuturan ketika dalam melaksanakan pekerjaan. Buku-buku rujukan juga banyak yang ditulis dalam Bahasa Inggeris yang menyebabkan terdapat keperluan untuk menguasai kemahiran Bahasa Inggeris walaupun sedikit untuk memudahkan memberi kemudahan dalam membuat urusan dan keputusan. Namun terdapat juga kelemahan daripada segi penguasaan Bahasa Inggeris ini dalam kalangan pelajar untuk menguasainya dan dalam penyampaian harian mereka. Turut disokong juga oleh laporan [Luna \(2016\)](#), kelemahan komunikasi lebih kurang 40% graduan baharu yang menyebabkan mereka tidak diterima dalam pekerjaan kerana personaliti mereka lemah, kurang berkeyakinan serta kemahiran komunikasi dan penguasaan bahasa yang lemah. Hal yang dinyatakan iaitu Bahasa Inggeris adalah bahasa kedua selain bahasa Malaysia yang perlu dikuasai seperti dalam temu bual berikut:

“Bahasa merupakan medium pengantara, penguasaan bahasa sangat penting, konteks Malaysia, pelajar mahir berbahasa Melayu suoaya komunikasi berkesan” [PT1]

“Kemahiran komunikasi dalam bahasa ketiga Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Bahasa Mandarin sangat penting semasa alam pekerjaan dan dapat membantu” [PT2]

“Bahasa Malaysia adalah bahasa pertama, kedua adalah Bahasa Inggeris. Buku-buku rujukan di dalam bahasa Inggeris dan bahasa senibina yang kita guna adalah sama kepada setiap pekerja” [MA1]

“Penggunaan bahasa pula, mempraktikan dwibahasa, Bahasa Malaysia adalah bahasa ibunda dan Bahasa Inggeris [MA2]”

Walau bagaimanapun, kemahiran komunikasi bukan lisan juga amat penting di antara para pelajar semasa menjalani latihan praktikal. Selain berkomunikasi secara bersemuka, pelajar juga terbabit dengan kerja-kerja merekod di dalam sistem, kerja-kerja melengkapkan laporan harian dan sebagainya. Kerja sebegini akan dihantar segera kepada pihak penyelia dan pihak atasan mereka untuk menunjukkan aktiviti pekerjaan yang dijalankan pada setiap hari. Pelajar perlu berkemahiran visualisasi dengan menulis, membentang dan cekap menggunakan aplikasi teknologi terkini. Oleh itu, pelajar tidak akan terlepas dengan penghantaran dokumen melalui email, whatsapp dan aplikasi lain untuk memastikan kerja diserahkan dengan sempurna.

Pelajar perlu menghantar dokumen dalam format dan protokol yang sempurna supaya pihak atasan memahami dan dapat menilai laporan yang mereka terima. Menurut wakil majikan, terdapat segelintir pelajar tidak memahami cara dan format yang betul dan mereka ini dibantu oleh pekerja tetap dan dibimbing bagaimana cara untuk menghantar laporan dengan sempurna. Penggunaan media atau aplikasi di dalam teknologi kini selaras dengan Revolusi Industri 4.0 dengan kemudahan gajet sememangnya amat penting dan disokong melalui temu bual yang dijalankan yang merangkumi kemahiran bukan lisan seperti berikut:

“Teknologi Digital dengan menghantar whatsapp kepada ‘supervisor’ dan menerusi email juga salah satu bentuk komunikasi” [PT1]

“Kemahiran komunikasi dari segi visualisasi, grafik pada pelajar serta kemahiran menulis, membentang, dan cara menggunakan teknologi” [PT2]

“....komunikasi secara menulis, hendak tanya atau hendak bagi tahu. Dari segi penulisan kena tahu teknikal bukan sahaja bercakap” [PT3]

“....Komunikasi secara whatsapp, puan minta maaf, saya ada masalah sekian-sekian, saya tidak dapat hadir” [MA1]

“...Komunikasi melalui email, whatsapp dan sebagainya di mana zaman sekarang evolusi industri 4.0 banyak membantu kita dalam melaksanakan kerja seharian” [MA2]

“....menghantar email secara ‘formal’ perlu dibuat, perlu diajar sebenarnya” [MA3]

Menurut kajian yang dilakukan [Impak dan Mustapha \(2020\)](#) pelajar dapat menghasilkan laporan mengikut standard laporan yang telah ditetapkan dengan menunjukkan usaha untuk lebih menonjolkan diri bahawa mereka berupaya melaksanakan tugas dengan sempurna. Menurut [Gonzales \(2020\)](#) bakat pelajar bukan sahaja dari aspek kemahiran teknikal tetapi juga mengasah dalam kemahiran komunikasi untuk menghadapi dunia pasaran kerja sebenar. Di dalam suasana global yang kompetitif, graduan harus mempersiapkan diri dengan kemahiran serta pengetahuan yang diperlukan oleh majikan agar sentiasa relevan dengan kehendak masa kini.

5.2. Elemen Pemikiran Kritis dan Menyelesaikan Masalah

KI pelajar dalam elemen pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah ini diperlukan oleh majikan kerana di dalam elemen ini, domain idea serta pemikiran pelajar dalam berfikir menyelesaikan masalah merupakan aspek penting supaya pekerjaan dapat dijalankan dengan lebih efisien tanpa pengawasan minima oleh pihak atasaran. Pelajar yang bijak serta pandai menyelesaikan masalah akan terus bertindak menguruskan masalah yang mereka hadapi di tempat kerja supaya kerja dapat diselesaikan mengikut jadual. Di setiap sektor pekerjaan sudah semestinya mempunyai masalah pada setiap hari dan harus diselesaikan dengan cara yang paling sempurna dan menghasilkan keputusan yang baik untuk majikan. Jika tidak dapat diselesaikan, penggerakan kerja harian mudah terganggu dan akan memberikan kesan kepada produktiviti syarikat.

Menurut [Chew dan Nadaraja \(2014\)](#) bahan pengajaran dapat memotivasikan pelajar dengan membaca bahan yang lebih baik supaya dapat menyalurkan pemikiran positif, kreatif dan kritis dalam pendidikan seumur hidup dan memupuk perkembangan daya cipta atau imaginasi pelajar dalam proses pembelajaran berterusan. Pelajar yang menjalani latihan praktikal digalakkan lebih membuat bacaan bahan, meneroka, mengorak langkah serta pandai menyelesaikan sesuatu tugas, menghasilkan serta berkongsi idea, menyumbangkan idea serta pendapat mereka kepada majikan apabila diperlukan. Hal ini turut diakui melalui temu bual bersama responden yang mengatakan:

“Majikan mengharapkan pekerja dapat membaki masalah yang berlaku dalam kadar segera, idea untuk menyelesaikan masalah yang ada” [PT 1]

“Kemahiran menyelesaikan masalah sangat penting” [PT2]

“....Analitikal bila mempunyai sesuatu masalah, pelajar harus tahu untuk bagaimana hendak selesaikan” [PT3]

“....Apabila ada masalah di tapak dengan pihak pemaju dan kontraktor kadangkala pelajar juga memberikan pendapat” [MA1]

“Idea-idea mereka boleh menyuntik dalam menyelesaikan masalah” [MA2]

“...Memang diajar untuk menyelesaikan masalah mengikut tahap dan tidak lebih kepada manual mereka” [MA3]

Pelajar yang menjalankan latihan praktikal harus juga mempunyai pemikiran yang matang dan positif kerana pemikiran yang mereka ada mempengaruhi kualiti kerja di sesebuah organisasi pekerjaan. Pemikiran yang sentiasa negatif akan mendatangkan kesan kepada pekerja itu sendiri dan orang lain, oleh itu pemikiran dan respon mereka hendaklah sentiasa dapat membantu pekerja sekeliling mereka sama ada dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Menurut Idris et al. (2009) siswazah yang menganggur menjadi penunjuk utama kerana kekurangan kemahiran lisan dan kemahiran pemikiran kritis dalam penaakulan yang berkaitan penyelesaian masalah. Bukan sahaja memberikan fokus di institusi pendidikan, namun di pihak majikan juga kerap menyusun strategi untuk memastikan pelajar mempunyai kemahiran generik terutama di dalam menyelesaikan masalah melalui pemikiran yang mereka ada. Pemikiran pelajar ini turut disokong melalui temu bual dijalankan:

“Pemikiran berfikir menyelesaikan masalah dengan SOP paling minima”
[PT 1]

“...Perlu mempunyai konseptual punya pemikiran di dalam pemikiran kritis” [PT3]

“Pemikiran Kritis dan menyelesaikan masalah ini perlu kepada pelajar”
[MA2]

Pihak universiti merupakan pihak yang awal dalam membuat perancangan dan menerapkan elemen-elemen pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah kepada pelajar seawal mereka berada di universiti. Manakala pihak majikan akan mengasah dan memberikan pengalaman fizikal kepada para pelajar sewaktu mereka menjalani latihan praktikal kerana kemahiran ini memberikan pengaruh dan petunjuk yang sangat signifikan dalam pemikiran kristis dan menyelesaikan masalah.

5.3. Elemen Kerja Berpasukan

Setiap organisasi pekerjaan, elemen kerja berpasukan atau bekerjasama sudah tentu dipraktikkan kerana elemen ini dapat menghasilkan kejayaan dan memudahkan urusan dalam menyelesaikan tugas. Kejayaan sesebuah pasukan bukan hanya bergantung kepada ketua dan pemimpin semata-mata akan tetapi semangat berpasukan di dalam organisasi akan memainkan peranan mereka sebagai agen perubahan dengan menukar paradigma untuk mengerakkan operasi kerja yang berkesan. Pelajar seharusnya diberikan peluang di dalam kerja berpasukan serta bekerjasama antara rakan dalam membuat keputusan, memberikan idea serta menyelesaikan masalah kerja bersama-sama antara mereka. Apabila peluang yang diberikan sama rata kepada pelajar di dalam kerja berpasukan, mereka dapat menonjolkan diri, personaliti serta karakter mereka kepada majikan dan berasa lebih yakin. Menurut kajian Maskiran dan Ramli (2018) kepuasan majikan adalah tinggi sekiranya pelajar memenuhi perkara seperti ‘sedia belajar’, ‘semangat bekerjasama’, ‘bertanggungjawab’, ‘ketelitian dalam tugas’ dan ‘employability’. Perkara serta elemen ini disokong di dalam temu bual yang dijalankan:

“Bekerja di dalam kumpulan berkongsi idea, meraikan perbezaan pendapat” [PT 1]

"Berkumpulan boleh bercakap, bergaul, menerima pandangan orang, berkongsi idea, tidak boleh kata kita betul, bersama-sama menyumbang dan sama-sama terima kesan" [PT2]

"Meningkatkan lagi kerjasama berpasukan atau berkumpulan perlu mengenal antara satu sama lain" [PT3]

"Kerja berpasukan lebih kepada biasanya kepada anggota tetap, pelajar hanya lebih kepada kumpulan, balik kepada kumpulan mereka, hanya membantu dalam kerja" [MA1]

"Kerja berkumpulan ini, mereka dapat membantu dan merasai suasana bagaimana kerja berpasukan" [MA2]

"Elemen kerja berkumpulan perlu diberikan senarai manual bukan sahaja kepada pelajar namun kepada pusat industri tersebut" [MA3]

Selain domain bekerjasama di dalam kerja berpasukan ini, domain menerima pandangan rakan sekerja juga memainkan peranan yang penting kerana domain ini menentukan proses kerja dapat dilaksanakan dengan mudah dan berkesan. Ianya didorong semangat kolaborasi sama ada rakan pasukan berada bersemuka mahupun dalam atas talian lokasi berbeza namun kerja dapat disiapkan serta memudahkan persekitaran pekerjaan untuk diselesaikan. Setiap pekerja mempunyai pandangan mereka masing-masing dalam tugas yang diberikan, namun mereka boleh bertukar-tukar pandangan di dalam kerja berpasukan untuk menghasilkan kerja dengan lebih menarik dan dapat memuaskan majikan serta klien di luar sana. Pandangan yang dikongsikan daripada pekerja akan dapat meningkatkan lagi produktiviti syarikat dengan mengambil kira kesan positif dan dapat diterima pakai oleh semua pekerja di setiap organisasi. Namun juga terdapat segelintir pekerja yang hanya membuat keputusan sendiri tanpa menerima pandangan rakan yang lain dan tidak memberikan nilai dan kesan yang baik kepada syarikat. Hal sedemikian dapat dilihat daripada hasil temu bual seperti berikut:

"Bagaimana harus bertolak ansur penerima pandangan orang serta toleransi" [PT1]

"...Boleh bercakap, bergaul, menerima pandangan orang, berkongsi idea, tidak boleh kata kita betul, bersama-sama menyumbang dan sama-sama terima kesan" [PT2]

"Memberikan pandangan imej kepada organisasi Majlis Bandaraya sendiri untuk tidak mengetengahkan pelajar praktikal ke depan kerana mereka ini hanya membantu kepada pekerja tetap semasa latihan praktikal mereka" [MA1]

Kerja berpasukan ini adalah fokus untuk mencapai matlamat syarikat dan pekerja semua harus berganding bahu dan bekerjasama supaya syarikat dapat bersaing di pasaran global dan kekal relevan dengan kehendak pelanggan di luar sana. Menurut [Siti Shuhaila \(2018\)](#) persekitaran pekerjaan adalah tempat paling penting untuk para pekerja belajar bukan sahaja tentang pekerjaan malah berkait dengan nilai moral seperti

tolong menolong dan bekerjasama. Kerja berpasukan akan menjadi mereka lebih berdisiplin terutamanya dalam segi pengurusan masa kerana ianya melibatkan masa dan komitmen daripada rakan sekerja yang lain.

5.4. Elemen Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Pelajar

Setiap pelajar yang menjalani latihan praktikal memang tidak dapat lari daripada ilmu pembelajaran berterusan serta pengurusan maklumat yang teratur dan sistematik. Pekerjaan yang dilakukan pada setiap hari memerlukan jadual yang tersusun rapi supaya perjumpaan mahupun mesyuarat yang bakal dihadiri dapat diselesaikan dengan sempurna. Pekerja mahupun pelajar yang sedang menjalankan latihan praktikal sentiasa didedahkan dengan latihan, bengkel, program serta seminar pada setiap tahun untuk mereka menerima pembelajaran secara langsung untuk menambah ilmu pengetahuan. Program-program sebegini meningkatkan kemahiran pembelajaran mereka sama ada teknikal dan bukan teknikal untuk memastikan pengetahuan mereka ada seiring dengan kemajuan pengetahuan atau ilmu tentang pekerjaan terkini.

Menurut [Siti Shuhaila \(2018\)](#) tanpa pengetahuan dan kemahiran yang sesuai pekerja akan terbeban dengan kerja yang dilakukan dan majikan harus meneliti latar belakang pekerja sebelum menyerahkan tugas kepada para pekerja. Perkara sedemikian juga perlu dilakukan oleh majikan kepada para pelajar sekiranya pelajar tersebut di bidang teknikal hendaklah diberikan tugas relevan dengan teknikal mereka supaya mereka dapat menimba dan meningkatkan pengetahuan mereka dan mereka selesa menjalankan tugas mereka. Kerja yang diberikan jika tidak sesuai dengan mereka akan menyebabkan kelewatan kerana perlu merujuk kepada penyelia dan pihak tertentu serta jabatan tertentu untuk diselesaikan. Oleh itu, segala pembelajaran adalah penting sama ada secara langsung atau majikan seharusnya peka terhadap latihan kepada pekerja atau pelajar yang menjalani latihan praktikal sama ada melalui kursus, seminar atau program yang diadakan di tempat kerja seperti sokongan di dalam temu bual berikut:

“Industri kata, kamu perlu menghadiri kursus selama 3 hari, ini juga merupakan satu bentuk pembelajaran sepanjang hayat” [PT 1]

“Industri menyediakan kursus atau bengkel yang mereka nampak kepada pekerja mereka, kita perlu belajar, industri nampak pekerja itu lemah di dalam bahasa Inggeris, industri menyediakan Kursus Bahasa Inggeris” [PT2]

“Biasa tempoh pelajar praktikal adalah singkat, jika mahukan kursus ianya memerlukan kos peringkat Pihak Berkuasa Tempatan, biasa akan tertumpu kepada pekerja tetap” [MA1]

“Ilmu mereka dapat daripada pekerja dalaman bukan daripada kursus luar, melalui pengalaman pekerja” [MA3]

Menurut [Mohd Yusof dan Tahir \(2017\)](#) teknologi maklumat adalah penting untuk setiap individu mahupun pelajar itu sendiri untuk mereka meneroka, menguasai dan mendalamai ilmu dengan lebih mendalam. Teknologi maklumat memudahkan kerja harian kerana setiap maklumat yang diingini boleh diakses dengan begitu mudah di

mana sahaja individu itu berada. Industri hendaklah menyediakan rangkaian teknologi maklumat yang terkini dan relevan supaya pelajar yang menjalani latihan praktikal dapat menimba ilmu serta meningkatkan kemahiran yang mereka ada. Teknologi maklumat tidak tertumpu kepada sumber internet sahaja malah kepada perisian-perisian yang dimiliki oleh sesebuah organisasi itu kerana dengan adanya perisian seperti ‘Autocad’, ‘Revitt’, ‘Adobe’ dan ‘3D’ sebegini pelajar lebih dapat mendalamai apa yang mereka dapat daripada latihan praktikal yang mereka jalankan dan dapat mempraktikkan di dalam kehidupan mereka dan menambahkan kemahiran serta pengalaman mereka apabila mereka di tempat di bidang pekerjaan kelak.

Perisian yang moden dapat membantu kepada sistem pengoperasian syarikat untuk membantu pekerja atau kaki tangan syarikat dalam menjalankan tugas harian dengan cekap dan teratur. Tidak dinafikan juga terdapat pelajar yang lemah untuk menguasai pelbagai perisian kerana mereka tidak mahu belajar dan berasa sering ketinggalan. Bukan sahaja individu akan ketinggalan malah syarikat yang memandang sebelah mata mengenai kemajuan teknologi maklumat juga akan ketinggalan jauh berbanding syarikat yang berbelanja besar untuk memperolehi perisian canggih untuk kegunaan kaki tangan mereka. Kemampuan pelajar menguasai pelbagai perisian di dalam teknologi maklumat turut disokong melalui temu bual yang dijalankan:

“Begitu maju dalam bidang teknologi maklumat, siapa yang tidak menggunakan teknologi terkini, memang tertinggal” [PT1]

“Teknologi internet di hujung jari pada zaman sekarang, kena rajin ‘google’, ada kemahiran cari maklumat” [PT3]

“Mempunyai kemahiran teknologi maklumat seperti Autocad, sistem untuk membuat lukisan” [MA1]

“Kini zaman Teknologi maklumat, pelajar tidak boleh lari daripada pembelajaran atas talian” [MA2]

“Setiap industri mempunyai spesifik teknologi” [MA3]

Bergantung kepada di mana pelajar itu ditempatkan mereka akan memperolehi pengalaman merasai serta menggunakan perisian yang ada di sesebuah organisasi. Majikan juga perlu membuat pilihan yang bijak untuk menempatkan pelajar itu supaya kemahiran yang mereka ada dapat digunakan sebaik mungkin semasa mereka menjalani latihan praktikal. Teknologi maklumat dan kursus yang disediakan di setiap sektor pekerjaan kepada kaki tangan dapat meningkatkan modal insan pekerja seiring dengan perkembangan ekonomi dan dapat memacu negara untuk mencapai status negara maju dan bersaing di peringkat global.

5.5. Elemen Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran keusahawanan turut dititikberatkan kepada pelajar supaya pelajar dapat melibatkan diri mereka serta biasa dengan kaedah dan teknik pemasaran sebagai sokongan kedua dan rezeki untuk mendapatkan pekerjaan masih samar. Pelajar harus menerima apa jua keadaan serta kemungkinan dengan ekonomi semakin mencabar dan sentiasa bersedia untuk penerimaan peluang yang hadir supaya mereka dapat meneruskan kehidupan tanpa sebarang masalah yang timbul. Tidak dinafikan peluang

pekerjaan pada misi kini menjadi rebutan dan persaingan yang tinggi untuk mendapatkan pekerjaan antara graduan. Faktor sebegini menyebabkan setiap pelajar harus bijak menyusun strategi kehidupan mereka tanpa mengharapkan makan gaji samata-mata malah mempunyai alternatif lain seperti berniaga.

Pelajar yang menjalani latihan praktikal tidak juga didedahkan kepada keusahawanan secara langsung kerana faktor ini bergantung di mana mereka menjalani latihan praktikal, jika mereka ditempatkan di bidang pemasaran maka jelas di sini mereka akan lebih kerap terlibat di dalam elemen keusahawanan. Keusahawanan adalah fokus kepada pelajar bagaimana mereka mengatur dan kesungguhan mereka untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Menurut kajian yang dijalankan oleh [Subramaniam et al \(2018\)](#) didapati pelajar bertanggungjawab pada setiap langkah diambil untuk mencapai matlamat dan pelajar juga menyelesaikan masalah jika terdapat sebarang masalah. Pelajar sering merebut peluang dengan pendedahan kaedah perniagaan bagi meningkatkan elemen keusahawanan mereka. Melalui temu bual yang dijalankan keseluruhan majikan bersetuju elemen keusahawanan dikaitkan dengan domain pemasaran untuk meningkatkan lagi pengalaman mereka seperti mana di bawah:

“Salah satu bidang kerja di syarikat pemaju adalah pemasaran, pemasaran adalah salah satu komponen keusahawanan” [PT 1]

“...Usahawan perlu menjual, didedahkan dengan latihan serta usaha pemasaran” [PT2]

“Apabila terdapat dengan bidang penjualan, kena tahu buat jualan, buat pemasaran” [PT3]

“Kemahiran keusahawanan sebagai pilihan kedua, banyak agensi yang dapat menyokong bantuan dalam bentuk geran dan pinjaman, mengikut bidang seperti perikanan, pertanian, pembuatan makanan, pemasaran dan sebagainya.” [MA2]

“Ada kemahiran dalam pemasaran digital, perkhidmatan penyediaan, e-komunikasi, bagaimana nak berkomunikasi secara atas talian, elemen yang perlu dikuasai pada masa kini” [MA3]

Namun, terdapat pelbagai kaedah dan cara terkini untuk mereka atau pelajar itu jika mereka mahir dalam aplikasi-aplikasi tertentu bagi mempromosikan perniagaan serta produk mereka. Aplikasi atas talian kini lebih banyak dan dapat digunakan di hujung jari sahaja serta perniagaan yang dijalankan boleh dilakukan dimana-mana sahaja tanpa melibatkan penyewaan premis. Oleh sebab itu, aplikasi atas talian lebih menarik dengan paparan gambar produk, harga, caj penghantaran serta poster yang dicipta oleh pelajar atau peniaga itu sendiri.

5.6. Elemen Kemahiran Kepimpinan

Di dalam senarai Kemahiran Insaniah pelajar terdapat elemen yang amat penting iaitu elemen kepimpinan pelajar disebabkan elemen ini perlu diterapkan kepada para pelajar supaya mereka berasa yakin dalam membuat keputusan dan dalam memimpin sesuatu kumpulan. Kemahiran kepimpinan ini akan memberikan peluang kepada pelajar menyempurnakan tugas dengan bersungguh-sungguh semasa mereka menjalani

latihan praktikal dan merupakan pengalaman yang amat berharga serta dapat dipraktikkan semasa mereka ditawarkan pekerjaan kelak. Namun, segelintir pelajar juga mempunyai perasaan takut dan malu apabila berdepan dengan khalayak ramai dan sifat ini perlu dibuang supaya mereka lebih berani untuk memimpin.

Memimpin sebuah kumpulan akan meningkatkan kemahiran serta pengalaman pelajar untuk merasai bagaimana menjadi seorang ketua yang adil dan saksama dalam pemberian tugas kepada rakan-rakan mereka. Kefahaman mengenai kemahiran insaniah adalah perlu diterapkan kepada para pelajar dan pengalaman yang pelajar perolehi akan mendorong pelajar menguruskan sesuatu dengan tenang dan efektif. Menurut [Md Sabil et al. \(2021\)](#) kemahiran kepimpinan yang telah dipelajari pelajar daripada sesi atau aktiviti kokurikulum akan memudahkan pelajar semasa menjadi guru dan ditempatkan sekolah kelak. Turut disokong kajian yang dijalankan oleh [Hassan dan A. Safar \(2010\)](#) yang mana mengatakan bahawa kematangan pelajar dapat diterapkan menerusi elemen ini kerana penyertaan pelajar dalam sesi kokurikulum serta hubungan kecemerlangan diri dan akademik dengan kepimpinan. Hal sedemikian dapat menunjukkan responden bersetuju mengatakan domain pengalaman di dalam elemen kepimpinan adalah sangat penting:

“Sebagai orang baru, bagaimana untuk meningkatkan kemahiran, pengalaman, majikan tidak meletak harapan yang tinggi” [PT 1]

“Industri perlu bagi peluang untuk mereka merasa yakin, bagi peluang pendapat, berkongsi idea, pengalaman dan dapat keluarkan apa pelajar ini ada, yang perlu ada pada seorang ketua” [PT3]

“Perubahan dalam diri saya, berapa pentingnya kepimpinan, pengalaman dapat menyediakan kita apabila di alam pekerjaan kelak” [MA2]

Namun domain pengalaman juga perlu selari dengan domain personaliti didalam elemen kepimpinan pelajar itu sendiri kerana personaliti yang baik akan mencerminkan diri pelajar serta dapat membangkitkan keyakinan dalam mengetuai kumpulan dan dapat menyakinkan orang sekeliling. Menurut Syed et al (2018) personaliti pelajar adalah berkait dengan kecenderungan pelajar terlibat dengan aktiviti fizikal melibatkan faktor dalaman dan luaran diri. Faktor luaran merujuk kepada peranan ibubapa, keluarga, sekolah persekitaran dan pengalaman, manakala faktor dalaman seperti minat, pengetahuan, motivasi dan ekspresi diri. Domain personaliti ini amat disokong melalui temubual seperti berikut:

“Kemahiran kepimpinan, personaliti tidak nampak kepada pelajar kerana pelajar pergi latihan praktikal adalah untuk teori, kerana teori dilihat dengan situasi sebenar semasa praktikal” [PT 1]

“Personaliti kepimpinan seperti integriti, boleh membawa matlamat untuk dicapai, tidak boleh pemimpin yang tidak boleh menerima pandangan” [PT2]

“....Bukan sekadar ketua, juga sebagai pemimpin, ketua boleh mempengaruhi orang, orang boleh akur, Tarik orang dan mungkin dengan cara bekerja” [PT3]

“Bergantung kepada individu dan personaliti budak itu sendiri, hanya seorang ada sifat kepimpinan, dia peringkat ijazah, sudah biasa berhadapan dengan orang, boleh menarik pegawai-pegawai kumpul dengan dia” [MA1]

“Saya mencadangkan lokasi khidmat masyarakat di kampung mak saya, dan apabila kita cadang secara tidak langsung lantik saya sebagai ketua, sedangkan saya baru tahun kedua di universiti” [MA2]

Oleh itu, elemen kepimpinan ini perlu dipupuk seawal yang mungkin kepada para pelajar di peringkat sekolah dan di peringkat universiti supaya pelajar dapat membina keyakinan diri sewaktu berada di khalayak umum, mudah serasi dengan persekitaran, mampu memimpin dan menyiapkan tugas yang diberikan sama ada individu atau secara berkumpulan dan sentiasa bersifat peka pada keadaan sekeliling. Namun pelajar yang hadir semasa latihan praktikal tidak selalunya diberikan peluang untuk memimpin, namun pelajar akan diselia dan dipantau oleh seorang pekerja atau penyelia bagi memastikan kerja dapat disiapkan mengikut kehendak dan ini sudah cukup untuk menunjukkan pelajar tersebut bertanggungjawab dan mengikut arahan pihak atasan.

5.7. Elemen Kemahiran Integriti dan Etika

Sifat integriti adalah amat penting untuk disematkan kepada jiwa para pelajar supaya pelajar tidak alpa dan mampu mengawal diri daripada hasutan pihak luaran semasa menjalankan tugas. Integriti begitu penting bukan kepada pelajar namun kepada kaki tangan organisasi juga dan beberapa program mengenai kesedaran serta kempen melibatkan integriti giat dijalankan oleh organisasi tertentu. Sebut sahaja mengenai integriti akan tertumpu kepada amalan yang tidak terlibat dengan aktiviti rasuah. Namun, integriti ini lebih meluas melibatkan disiplin diri pelajar dan jati diri pelajar itu untuk memastikan mereka tidak mudah terjerumus kepada aktiviti negatif yang boleh mendatangkan masalah kepada diri sendiri, keluarga maupun negara.

Jika sudah terlibat masalah berkemungkinan mereka akan disabitkan kesalahan dan mungkin di penjara atas kesalahan yang dilakukan. Etika pelajar juga harus dijaga dengan baik supaya pelajar dapat membezakan serta dapat memberikan pertimbangan dapat membuat keputusan dan akhirnya dapat memilih perkara yang betul. Di dalam kajian Ahmad et al. (2017) menyatakan sifat etika melibatkan aspek kognitif, afektif dan psikomotor individu apabila difahami secara mendalam. Menurut Hassan et al. (2020) konsep etika dapat disimpulkan kepada peraturan di dalam prinsip kehidupan manusia supaya mengikut peraturan yang betul. Di dalam organisasi pekerjaan integriti dan etika perlu dititikberatkan kepada kaki tangan kerana mereka ini semua kerana untuk menjaga kerahsiaan yang ada pada syarikat itu. Domain pertama di dalam elemen integriti dan etika adalah pelajar harus bersifat jujur dalam melaksanakan kerja mereka dan turut disokong melalui temu bual seperti berikut:

“Etika dan integriti merujuk kepada kemampuan diri pelajar seperti bersikap jujur” [PT 1]

“Kalau boleh siapkan tugas mengikut tempoh dan kalau tidak mampu siapkan kena jujur dan kena bagitahu perkara sebenar” [PT3]

“Pelajar biasanya meminta izin untuk membuat sesuatu seperti fotokopi dokumen, mereka menjaga intergriti, terutamanya kejujuran” [MA1]

“Domain efektif kena betul adalah ‘attitude’ pelajar seperti jujur” [MA3]

Pelajar harus jujur dalam melaksanakan kerja yang diberikan dan biasanya pelajar yang menjalankan latihan praktikal akan meminta keizinan kepada penyelia terlebih dahulu untuk membuat kerja-kerja fotokopi dokumen berkaitan kerja yang dilaksanakan. Kejujuran mereka terbukti kerana tidak membuat kerja selain kerja hakiki mereka dan sentiasa dipantau oleh penyelia menjadikan mereka sentiasa berjaga-jaga dan merasakan sering diperhatikan. Selain itu, domain disiplin juga adalah berkait rapat dengan tingkah laku pelajar kerana disiplin yang baik menunjukkan pelajar tersebut mematuhi arahan, menepati masa, mengikut peraturan yang ditetapkan oleh jabatan serta tidak mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang negatif.

Pada tahun 2020, dunia dikejutkan dengan pandemik Covid-19 yang mana telah mengganggu aktiviti kerja harian dan aktiviti pekerjaan sehari-hari dijalankan melalui kerja dari rumah. Pembelajaran pelajar juga terganggu di mana mereka yang ingin menjalani latihan praktikal juga kerap ditolak oleh majikan untuk mereka merasai pengalaman berada di sektor industri untuk memastikan tiada penularan virus Covid 19. Akan tetapi beberapa opsyen telah diperkenalkan oleh pihak universiti supaya pengalaman menjalani latihan praktikal dapat dirasai oleh pelajar sama dengan pengalaman yang mereka akan miliki secara bersemuka. Mereka tetap berhubung dengan pihak industri walaupun mereka berada di rumah dan segala kerja diberikan melalui atas talian dan mereka harus menyiapkan tugas mengikut masa yang ditetapkan.

Oleh demikian, masyarakat dapat melihat disiplin pelajar dalam pelbagai aspek dengan aspek terpenting di dalam disiplin diri adalah mematuhi masa walaupun mereka berada di rumah. Majikan juga dapat melihat secara langsung jika pelajar yang hadir menjalani latihan praktikal kerap hadir lambat ke pejabat semestinya mempunyai masalah disiplin diri. Temu bual yang dijalankan terhadap domain disiplin pelajar turut menyokong sebagaimana berikut:

“Mematuhi disiplin, mematuhi etika dan juga SOP [PT 1]”

“Kehadiran sentiasa lambat mesti ada masalah disiplin diri [MA1]”

“Menjaga etika kerja seperti disiplin dalam berpakaian, ‘uniform’ yang mereka perlu patuhi [MA2]”

Oleh itu, disiplin pelajar harus dijaga pada setiap masa walau di mana mereka berada kerana ianya melambangkan keperibadian seorang pelajar. Umum juga mengetahui disiplin diri telah dipupuk di sekolah mahupun di rumah melalui bimbingan ibubapa. Bak kata pepatah Melayu “Melentur buluh biar daripada rebungnya” yang membawa maksud mengajar anak biarlah dari kecil jangan di tunggu sampai besar, kerana bila besar mereka, susah pula hendak diletur, apabila susah hendak dilentur maka susahlah hendak ditegur. Di dalam elemen integriti dan etika, domain ketiga adalah melibatkan kerahsiaan yang mana pelajar yang menjalani latihan praktikal akan terikat dengan rahsia syarikat seperti fail sulit, tender, kewangan syarikat, dokumen asal dan dokumen perjanjian antara syarikat dan klien. Semua fail dan dokumen ini adalah aset syarikat

dan tidak seharusnya terlepas kepada pihak luar untuk kepentingan mereka dan disalahgunakan oleh pihak ketiga. Apabila pelajar tersebut menjalankan latihan praktikal, mereka perlu sentiasa menyedari akan kepentingan menjaga kerahsiaan syarikat dan tidak sewenang-wenangnya menyebarkan maklumat walaupun kepada ahli keluarga mereka. Berikut merupakan domain kerahsiaan yang perlu diterapkan kepada para pelajar semasa mereka menjalani latihan praktikal:

“Sebarkan maklumat syarikat kepada orang lain, walaupun kepada saudara mara, tidak boleh dilakukan kerana ianya adalah etika, tetapi banyak berlaku dan mereka tidak perasan” [PT1]

“Tidak mencuri maklumat syarikat dan menjaga maklumat syarikat” [PT2]

“Pelajar kena sedar dokumen rahsia kerajaan tidak boleh bawa keluar, jika bawa keluar adalah salah” [PT3]

“Mana-mana organisasi sektor awam atau swasta, mempunyai rahsia-rahsia tertentu, perlu merahsiakan maklumat yang mereka ada supaya tidak tersebar kepada pihak luar” [MA2]

Pada kebiasaannya, para pelajar yang melaporkan diri untuk menjalani latihan praktikal akan menandatangani borang menjaga kerahsiaan syarikat supaya mereka lebih berjaga-jaga dalam sesuatu tindakan mereka. Situasi apabila berdepan dengan pelanggan, mereka tidak mudah menyampaikan maklumat mengenai syarikat apabila ditanya. Mereka harus bijak mengelak dan memastikan tujuan utama berjumpa dengan pelanggan tersebut kerana kesannya begitu besar jika maklumat yang disampaikan kepada pihak ketiga tersebut.

Selain domain kerahsiaan, domain terakhir di dalam elemen integriti dan etika ini adalah mengenai pemakaian pelajar kerana setiap pelajar haruslah mematuhi etika pemakaian semasa di pejabat. Pelajar tidak mengenakan pakaian yang tidak sesuai seperti terlalu singkat, pendek, ketat, dan terlalu terdedah dalam erti kata lain tidak menjolok mata. Pemakaian adalah protokol yang harus diikuti oleh pelajar dan kaki tangan tetap untuk menjaga kualiti dan imej syarikat. Pemakaian juga berbeza dengan pekerjaan, seperti jika seorang guru pemakaian yang baik dan kemas adalah berseluar panjang, berkemeja (digalakkan bertali leher) dan berkasut kulit, jika seorang anggota polis, pemakaian adalah seragam polis yang disediakan dan jika bekerja pejabat bagi perempuan semestinya berbaju kurung dan bertudung. Oleh itu, temu bual di dalam kajian ini turut menitikberatkan kepada domain pemakaian seperti berikut:

“Dari segi pakaian, jika guru mesti ada tatacara pakaian guru, jika ke sekolah tidak boleh pakai seluar sukan” [PT3]

“Pelajar diberikan taklimat semasa diterima masuk untuk menjalani praktikal di organisasi mengenai syarat pakaian, disiplin masa” [MA1]

“Imej korporat perlu berkemeja, jika ada majlis rasmi perlu memakai tali leher, berbaju kot dan berkasut hitam dan sebagainya” [MA2]

Pemakaian mencerminkan personaliti individu kerana penampilan mereka sering dilihat oleh orang sekeliling mereka. Sebagai contoh apabila pertemuan pertama, penampilan yang kemas sentiasa diingati dan apabila diingati semula pada pertemuan itu mereka amat mengingati pakaian yang dipakai, warna dan corak pakaian tersebut.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan dapat menyenaraikan elemen-elemen yang diperlukan oleh pelajar pendidikan TVET semasa menjalani latihan praktikal melalui domain-domain kemahiran insaniah yang telah dinyatakan mengikut pendapat responden daripada pakar bidang TVET dan pandangan daripada majikan. Kesemua domain KI sememangnya telah lama dibincangkan untuk meningkatkan lagi kemahiran generik pelajar selain melihat faktor kejayaan dan penilaian akademik sahaja. Pelajar yang mahir dalam pelbagai bidang dan kemahiran adalah terhad dan mereka ini menjadi rebutan majikan di luar sana untuk memberikan kemahiran yang mereka ada kepada majikan dan mengembangkan lagi fungsi syarikat. Rentetan dengan perkembangan teknologi pada masa kini dan seiring kemajuan Revolusi Industri 4.0 yang memerlukan kemahiran teknikal dan vokasional dipertingkatkan kepada pelajar dan usaha daripada pihak kementerian yang terlibat untuk memperluaskan lagi bidang TVET untuk pelajar serta idea yang dicurahkan dapat digunakan untuk kepentingan negara. Kepentingan kemahiran insaniah dapat memberikan pelajar lebih bersedia supaya mereka menguasai elemen kemahiran sebelum mereka ke alam pekerjaan kelak. Walau bagaimanapun, domain-domain yang lain juga akan dapat dikaji dan dapat diselesaikan melalui kajian akan datang kerana domain-domain ini mempunyai kelebihan dan kekurangan tertentu

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Artikel ini merupakan sebahagian dari Projek Sarjana Muda yang telah dihantar kepada Universiti Teknologi Malaysia.

Kewangan (*Funding*)

Tidak melibatkan implikasi kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abbas, R. (2018). Kompetensi Interpersonal Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP): Satu Analisis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(4), 106-121.
- Ahmad, A.M., Hussin, Z., A Malik, M., Yusof, F., & Mohd Jamil, M.R. (2017). Masalah Etika dan Akhlak Pelajar Kemahiran Kejuruteraan: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 5(2), 34-45.
- Ahmad, N.L. & Majid, N.A. (2018). Program Praktikum Sebagai Medium Pengukuhan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 17-27. DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.02-02>
- Amankwah-Amoah, J., Ifere, S.E., & Nyuur, R.B. (2016). Human Capital and Strategic Persistence: An Examination of Underperforming Workers in Two Emerging Economies. *Journal of Business Research*, 69(10), 4348-4357. DOI: <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2016.04.063>
- Bilah, M.S., Mohd Hama, N.F., & Mat Yusof, F.J. (2017). Tahap Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar KKT di Johor Mengikut Perspektif Pelajar. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017*, 1-12.
- Buntat, Y. & Hassan, M.S. (n.d.). *Kemahiran Komunikasi dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar: Satu Tinjauan di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. http://eprints.utm.my/id/eprint/10998/1/Kemahiran_Komunikasi_Dalam_Meningkatkan_Keyakinan_Diri_Pelajar.pdf
- Chew, F.P. & Nadaraja, S. (2014). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komsas di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 10-24.
- Dzia-Uddin, D.N. (2020). Keberkesanan Latihan Industri Graduan Diploma Pengurusan Perhotelan, KUIM (Kohort 35 & 36): Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Journal of Hospitality and Networks*, 1(1), 45-52.
- Gonzales, N.A.P. (2020). 21st Century Skills in Higher Education: Teaching and Learning at Ifugao State University, Philippines. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 10(2), 72-81. DOI: <https://doi.org/10.37134/ajatel.vol10.2.8.2020>
- Hassan, J. & A. Safar, S. (2010). *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan dalam Aktiviti Kokurikulum di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. <http://eprints.utm.my/id/eprint/10788/>
- Hassan, R., Mat Zain, F., Abu Bakar, K., & Kamaruzzaman, A. F. (2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur Malim: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21 (2020), 126-141. DOI: <https://doi.org/10.17576/malim-2020-2101-10>
- Hayek, M., Thomas, C.H., Novicevic, M.M., & Montalvo, D. (2016). Contextualizing Human Capital Theory in a Non-Western Setting: Testing the Pay-for-Performance Assumption. *Journal of Business Research*, 69(2), 928-935. DOI: <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2015.06.039>
- Ibrahim, R. & Ahmad, A.R. (2018). Pengukuran Kemahiran Insaniah Pelajar Tahun Akhir di IPTS: Cabaran Menempuh Alam Kerjaya. *Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan*, 155-164.
- Idris, R., Ariffin, S.R., & Mohd Ishak, N. (2009). Pengaruh Kemahiran Generik dalam Kemahiran Pemikiran Kritikal, Penyelesaian Masalah, dan Komunikasi Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 6(2009), 103-140.

- Impak, S. & Mustapha, H.A. (2020). Perspektif Majikan Terhadap Keupayaan Pelajar dalam Menunjukkan Kemahiran Praktikal Secara Berkesan dalam Persekutaran Kerja Global. *ANP Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 39-43. DOI: <https://doi.org/10.53797/anpjssh.v1i1.7.2020>
- Ismail, M.H. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII*, 2(2012), 906-913.
- Luna, S.M. (2016, Mac 10). 40 Peratus Penganggur di Malaysia Graduan Baharu. *Utusan Borneo*.<https://www.utusanborneo.com.my/2016/03/10/40-peratus-penganggur-di-malaysia-graduan-baharu>
- Mariappan, U., Veloo, A., & Shanmugam, K. S. (2018). Pembinaan Dan Pengesahan Instrumen Kemahiran Insaniah Bagi Subjek Perakaunan Di Matrikulasi. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 29-39.
- Maskiran, K.B. & Ramli, N.A. (2018). Cabaran dalam Menghadapi Dunia Pekerjaan: Perspektif Majikan Terhadap Graduan Kolej Komuniti. *Human Sustainability Procedia*, INSAN 2018 E-prosiding, 302-313.
- Md Sabil, A., Jamian, A. R., Othman, S., Said, R. R., Sulaiman, T., & Aminuddin, Z. N. (2021). Penerapan Kemahiran Insaniah bagi Domain Afektif Kemahiran Komunikasi, Sepanjang Hayat, Sosial dan Kepimpinan untuk Kemenjadian Siswa Universiti. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 105- 119. DOI: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.8.2021>
- Mohamad, N. H., Ibrahim, B., & Selamat, A. (2019). Penerapan Kemahiran Komunikasi Bahasa Inggeris Menerusi Kursus Badan Beruniform Palapes UTHM. *Online Journal for TVET Practitioners*, 4(2), 58-71. DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2019.04.02.007>
- Mohd Dazali, N.S. & Awang, M.I. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 44-56.
- Mohd Yusof, M.N. & Tahir, Z. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat dalam Pendidikan IPTA. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-10.
- Mohd Zhaffar, N., Hamzah, I., Abdul Razak, K., & Wan Abdullah, W.A.A. (2016). Ke Arah Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemikir Kritis. *Sains Humanika*, 8(3), 9-15. DOI: [10.11113/sh.v8n3.739](https://doi.org/10.11113/sh.v8n3.739)
- Sidik, I.F., Awang, M.M., & Ahmad, A. R. (2020). Keterlibatan Pelajar dan Hubungannya dengan Kemahiran Insaniah. *Malaysian Journal of Education*, 45[Special Issue], 68-74.
- Siti Shuhaila, M.N. (2018). *Hubungan di Antara Motivasi, Persekutaran Kerja, Kerja Berpasukan, dan Kepimpinan Terhadap Kepuasan Kerja: Kajian di Kalangan Staf Uniutama Property Sdn. Bhd.* Projek Sarjana Universiti Utara Malaysia [Unpublished Thesis]. https://etd.uum.edu.my/7320/1/s820215_01.pdf
- Starr, E., Ganco, M., & Campbell, B.A. (2018). Strategic Human Capital Management in the Context of Cross-Industry and within-Industry Mobility Frictions. *Strategic Management Journal*, 39(8), 2226-2254. DOI: <https://doi.org/10.1002/smj.2906>
- Subramaniam, T. S., Ab Majid, N. F., Ariffin, A., Hamzah, N., & Rubani, S. K. (2018). Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir (FPTV) Di UTHM. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(2), 1-10.
- Yaacob, Y. & Ahmad, R. (2019). Penerapan Kemahiran Insaniah Melalui Interaksi dan Integriti (2ICAMP) Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Sunway Malaysia. *Practitioner Research*, 1(July), 127-154.

- Yatim, R. & Idris, M.S. (2016). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Perniagaan dan Keusahawanan dalam Kalangan Guru Kemahiran Hidup Sekolah Rendah di Daerah Batu Pahat dari Persepsi Pelajar. *Online Journal for TVET Practitioners*, 1(1), 1-16.
- Zahari, Z., & Omar, M. K. (2021). Pendekatan Kebolehsuaian Kerjaya dalam kalangan Pelajar Kolej Vokasional di Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(1), 52-60. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.612>
- Zakaria, S., Amir, R., Azman, N., & Daud, M. N. (2017). Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Pengajian Islam. *Ulum Islamiyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 19 [Special Edition], 89-108. DOI: <https://doi.org/10.33102/ujl.vol19no.49>
- Zhang, Q.L., Siribampitak, P., & Charoenkul, N. (2018). Creative Leadership Strategies for Primary School Principals to Promote Teachers' Creativity in Guangxi, China. *Kasetsart Journal of Social Sciences*, 41(2020), 275-281. DOI: <https://doi.org/10.1016/j.kjss.2018.08.007>